

Rujukan Kami : UPNM(P)01.03/06 (15)

Tarikh : 2 Jun 2011

Semua Staf
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi
Kuala Lumpur.

YBhg. Dato', Prof, Prof Madya, Dr, Tuan, Puan,

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 01 TAHUN 2011 - SYARAT DASAR
PEMBAYARAN YURAN TAHUNAN KEAHLIAN STAF DALAM BADAN PROFESSIONAL
/ IKHTISAS**

.....

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai penerimaan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor Bil. 2/2011 yang diadakan pada 31 Mac 2011 mengenai penetapan syarat dasar pembayaran yuran tahunan keahlian staf dalam badan professional / ikhtisas.

2.0 LATAR BELAKANG

Merupakan keperluan kepada pegawai-pegawai dalam menjalankan kerjanya. Kemudahan ini diberi sebagai insentif kepada pegawai-pegawai dalam menyalurkan kepakaran dan kemahiran dan seterusnya meningkatkan kualiti dalam kerjaya mereka.

3.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh kelulusan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor Bil. 2/2011 yang telah diadakan pada 31 Mac 2011 dan digunapakai oleh semua staf Universiti Pertahanan Nasional Pertahanan Malaysia.

4.0 SYARAT DAN TERMA

Universiti hanya membiayai yuran keahlian badan professional / ikhtisas yang diiktiraf oleh Kerajaan.

4.1 Yuran keahlian badan professional hanya dibayar kepada **SATU** badan professional / ikhtisas sahaja dalam tempoh setahun.

5.0 Bayaran yuran keahlian bagi badan-badan professional / ikhtisas yang terlibat dan telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor Bil 2 / 2011 pada masa ini adalah seperti berikut:

- i. Lembaga Jurutera Malaysia
- ii. Lembaga Jururawat Malaysia
- iii. Lembaga Kaunselor Malaysia
- iv. Institut Akauntan Malaysia

5.0 CARA PEMBAYARAN

Cara pembayaran balik yuran keahlian adalah melalui pembayaran balik kepada Bendahari yang dikehendaki menuntut bayaran-bayaran yang telah dibayarnya terlebih dahulu dengan sokongan resit dengan mengisi borang UPNM/PEND-56.

6.0 PENUTUP

Kemudahan ini hanya terpakai di UPNM sahaja dan sekiranya staf UPNM meletak jawatan maka kemudahan ini tidak boleh dipanjangkan ke organisasi badan melantik yang baru.

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Yang benar,

MOHD BAKHARI BIN M. YASIN

Pendaftar

s.k : Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat)